



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCI PERTANIAN 2024 NEGERI TERENGGANU

**Pendapatan Sektor Pertanian di Terengganu Merekodkan
RM5.98 bilion pada 2023, Didominasi Subsektor Tanaman dan
Perikanan**

KUALA TERENGGANU, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Terengganu yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian mengikut daerah merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan statistik terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti jualan dan nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Sementara itu, agensi utama di peringkat negeri turut dilibatkan seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Terengganu *Development and Management Berhad* (TDM), Terengganu *Agrotech Development Corporation* (TADC), Ladang Rakyat Terengganu dan Terengganu *Incorporated* (Terengganu Inc).

Terengganu merekodkan 73,089 pegangan pertanian dengan 72,405 pegangan pertanian individu yang meliputi 99.1 peratus daripada keseluruhan pegangan

pertanian. Manakala, pegangan pertanian yang diuruskan oleh pertubuhan adalah sebanyak 684 pertubuhan. Profil yang telah kemaskini ini juga menunjukkan bahawa sejumlah 58,475 pegangan pertanian subsektor tanaman dengan 58,051 adalah pegangan individu. Sebanyak 11,816 individu pula terlibat dalam penternakan, 3,001 individu terlibat aktiviti perikanan tangkapan, 910 individu terlibat aktiviti akuakultur dan 173 individu terlibat dengan aktiviti perhutanan & pembalakan.

Keluasan kawasan tanaman Terengganu yang dilaporkan adalah seluas 227,904.3 hektar. Tanaman utama adalah kelapa sawit, meliputi 176,851.0 hektar, diikuti oleh getah pada 18,031.2 hektar, padi pada 16,615.8 hektar, buah-buahan pada 8,600.7 hektar manakala tanaman lain mencatatkan 4,511.8 hektar.

Dapatan Banci Pertanian 2024 juga merekodkan jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman adalah RM4.00 bilion manakala subsektor perikanan tangkapan dengan RM455.89 juta. Sementara itu, nilai jualan hasil subsektor ternakan adalah RM404.02 juta. Subsektor pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM265.87 juta dan subsektor akuakultur pula telah menjana nilai jualan sebanyak RM252.41 juta pada tahun 2023.

Prestasi Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian bagi negeri Terengganu pada tahun 2023 berjumlah RM5.98 bilion, dengan subsektor tanaman muncul sebagai penyumbang terbesar iaitu RM4.55 bilion (76.0%), diikuti subsektor perikanan tangkapan sebanyak RM465.51 juta (7.8%), ternakan RM422.51 juta (7.1%), perhutanan dan pembalakan RM295.45 juta (4.9%) serta akuakultur RM254.59 juta (4.2%). Tiga daerah pentadbiran yang merekodkan jumlah pendapatan tertinggi ialah Kemaman sebanyak RM1.92 bilion, diikuti Dungun (RM828.75 juta) dan Setiu (RM819.39 juta).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang sebanyak RM4.07 bilion, bersamaan 68.0 peratus daripada jumlah pendapatan sektor pertanian Terengganu, manakala pegangan pertanian individu merekodkan RM1.92 bilion (32.0%). Bagi subsektor tanaman, pegangan pertanian yang dikendalikan oleh pertubuhan menjana pendapatan sebanyak RM3.39 bilion (74.5%) berbanding RM1.16 bilion (25.5%) yang disumbangkan oleh pegangan individu. Bagi subsektor ternakan, pendapatan lebih tinggi dijana oleh pegangan individu sebanyak

RM224.65 juta (53.2%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM197.86 juta (46.8%). Pendapatan subsektor perikanan tangkapan didominasi oleh pegangan individu sebanyak RM399.08 juta (85.7%) berbanding RM66.42 juta (14.3%) yang disumbangkan oleh pegangan pertubuhan. Sebaliknya, bagi subsektor akuakultur, sebahagian besar pendapatan dijana oleh pegangan individu sebanyak RM130.20 juta (51.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM124.38 juta (48.9%). Pendapatan subsektor perhutanan dan pembalakan pula disumbangkan hampir keseluruhannya oleh pegangan pertubuhan sebanyak RM293.52 juta (99.3%), manakala pegangan individu hanya menyumbang RM1.92 juta (0.7%).

Tiga (3) daerah yang mencatatkan sumbangan tertinggi kepada pendapatan sektor pertanian di Terengganu ialah Kemaman sebanyak RM1.68 bilion, diikuti Setiu (RM691.78 juta) dan Dungun (RM651.99 juta). Bagi subsektor tanaman, Kemaman, Setiu dan Dungun muncul sebagai tiga penyumbang utama dengan masing-masing merekodkan RM1,675.21 juta, RM691.78 juta dan RM651.99 juta. Bagi subsektor ternakan, Kemaman mencatat pendapatan tertinggi sebanyak RM145.83 juta, diikuti Dungun (RM67.76 juta) dan Besut (RM52.09 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan, Besut, Kuala Terengganu dan Kemaman masing-masing merekodkan RM115.50 juta, RM103.79 juta dan RM84.48 juta. Pendapatan subsektor akuakultur tertinggi direkodkan di Besut sebanyak RM95.17 juta, diikuti Marang (RM61.73 juta) dan Setiu (RM57.68 juta). Bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, Hulu Terengganu merekodkan RM144.10 juta, diikuti Kuala Nerus (RM58.81 juta) dan Dungun (RM53.04 juta).

Jumlah Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian bagi negeri Terengganu pada tahun 2023 berjumlah RM1.99 bilion, dengan subsektor tanaman muncul sebagai penyumbang terbesar iaitu RM1.39 bilion (69.9%), diikuti subsektor perikanan tangkapan sebanyak RM209.31 juta (10.5%), subsektor ternakan RM201.90 juta (10.1%), subsektor perhutanan dan pembalakan RM132.28 juta (6.6%) serta subsektor akuakultur RM56.75 juta (2.9%). Tiga (3) daerah pentadbiran yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi ialah Kemaman sebanyak RM600.95 juta (30.1%), diikuti Dungun RM281.61 juta (14.1%) dan Setiu RM270.54 juta (13.6%).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang sebanyak RM1.30 bilion, bersamaan 65.2 peratus daripada jumlah perbelanjaan sektor pertanian Terengganu, manakala pegangan individu merekodkan RM693.35 juta (34.8%). Pegangan pertubuhan mencatat perbelanjaan lebih tinggi bagi subsektor tanaman sebanyak RM981.51 juta (70.4%), subsektor ternakan RM116.87 juta (57.9%), subsektor perikanan tangkapan RM31.47 juta (15.0%), subsektor akuakultur RM38.95 juta (68.6%) dan subsektor perhutanan serta pembalakan RM132.16 juta (99.9%), berbanding pegangan individu masing-masing sebanyak RM412.60 juta (29.6%), RM85.03 juta (42.1%), RM177.85 juta (85.0%), RM17.80 juta (31.4%) dan RM0.13 juta (0.1%). Sebaliknya, bagi subsektor perikanan tangkapan, perbelanjaan pegangan individu merupakan penyumbang utama sebanyak RM177.85 juta (85.0%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM31.47 juta (15.0%).

Tiga (3) daerah yang mencatat sumbangan tertinggi kepada perbelanjaan sektor pertanian di Terengganu ialah Kemaman sebanyak RM600.95 juta, diikuti Dungun RM281.61 juta dan Setiu RM270.54 juta. Bagi subsektor tanaman, Kemaman, Setiu dan Dungun muncul sebagai tiga penyumbang utama dengan masing-masing merekodkan RM497.23 juta, RM210.44 juta dan RM199.66 juta. Bagi subsektor ternakan, Kemaman mencatat perbelanjaan tertinggi sebanyak RM57.17 juta, diikuti Dungun (RM31.74 juta) dan Besut (RM29.96 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan, tiga penyumbang tertinggi ialah Besut, Kuala Terengganu dan Kemaman dengan perbelanjaan masing-masing RM51.79 juta, RM48.03 juta dan RM37.87 juta. Bagi subsektor akuakultur, Setiu (RM30.95 juta), Marang (RM6.87 juta) dan Kuala Terengganu (RM5.91 juta) muncul sebagai tiga daerah tertinggi, manakala bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, Hulu Terengganu, Dungun dan Kuala Nerus merekodkan sumbangan tertinggi masing-masing sebanyak RM67.43 juta, RM25.08 juta dan RM23.04 juta.

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna Tenaga sektor pertanian Negeri Terengganu mencatatkan seramai 97,114 orang pada tahun 2023, yang disumbangkan oleh tiga daerah pentadbiran tertinggi iaitu Kemaman (16,891 orang), Besut (13,966 orang) dan Setiu (12,157 orang). Seramai 67,903 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif direkodkan pada tahun 2023, diikuti oleh 25,753 orang pekerja bergaji dan 3,458 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan sektor pertanian berjumlah RM17,373.00 dengan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM23,946.00 dan pegangan pertanian individu RM10,615.00. Daerah pentadbiran yang merekodkan paras melebihi purata gaji dan upah tahunan negeri adalah Kemaman (RM21,365.00), Dungun (RM18,511.00), Kuala Terengganu (RM18,225.00), Kuala Nerus (RM17,858.00) dan Setiu (RM17,423.00).

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantaian bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Sektor pertanian kekal sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Ia bukan sahaja memainkan peranan dalam memastikan bekalan makanan yang mencukupi, malah turut menyumbang secara signifikan dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap import, menyokong industri pemprosesan, mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan isi rumah, khususnya para petani. Melalui banci ini, statistik pertanian tersedia sehingga ke peringkat lokaliti terkecil menyediakan maklumat di peringkat granular yang membolehkan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar dan bersesuaian, seterusnya dapat menyumbang kepada pemerkasaan berterusan sektor pertanian negara.

Sebagai sebahagian daripada agenda transformasi sektor pertanian negara ke arah yang lebih moden dengan berpaksikan data, Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara. Pelaksanaan ini juga bertujuan memastikan data asas (*baseline*) sentiasa relevan dengan keperluan semasa serta dapat menyokong perancangan dasar dan strategi untuk jangka masa yang panjang. Survei pertanian jangka pendek turut akan dilaksanakan secara berkala mulai tahun

2026 untuk memperkukuh ketersediaan data dan menyokong pemantauan berterusan sektor Pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026


JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, TERENGGANU , 2023

PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, NEGERI TERENGGANU, 2023								
NEGERI	DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Terengganu	Besut	715.40	Kelapa Sawit	143.08	Perikanan	115.50	Padi	108.50
Terengganu	Dungun	828.75	Kelapa Sawit	562.57	Ternakan	67.76	Buah-Buahan	53.22
Terengganu	Hulu Terengganu	749.93	Kelapa Sawit	481.19	Perhutanan & Pembalakan	144.10	Buah-Buahan	43.94
Terengganu	Kemaman	1,923.94	Kelapa Sawit	1,441.35	Buah-Buahan	165.89	Ternakan	145.83
Terengganu	Kuala Nerus	321.66	Kelapa Sawit	103.86	Perhutanan & Pembalakan	58.81	Perikanan	42.22
Terengganu	Kuala Terengganu	237.18	Perikanan	103.79	Kelapa Sawit	31.28	Ternakan	29.07
Terengganu	Marang	388.17	Kelapa Sawit	180.87	Akuakultur	61.73	Ternakan	43.28
Terengganu	Setiu	819.39	Kelapa Sawit	569.29	Akuakultur	57.68	Sayur-Sayuran	34.51



JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, TERENGGANU , 2023

PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, NEGERI TERENGGANU, 2023								
NEGERI	DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PERBELANJAAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PERBELANJAAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PERBELANJAAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Terengganu	Besut	252.48	Perikanan	51.79	Padi	51.25	Kelapa Sawit	41.75
Terengganu	Dungun	281.61	Kelapa Sawit	164.84	Ternakan	31.74	Perhutanan & Pembalakan	25.08
Terengganu	Hulu Terengganu	252.01	Kelapa Sawit	136.93	Perhutanan & Pembalakan	67.43	Buah-Buahan	17.08
Terengganu	Kemaman	600.95	Kelapa Sawit	414.25	Buah-Buahan	59.58	Ternakan	57.17
Terengganu	Kuala Nerus	113.35	Kelapa Sawit	29.26	Perhutanan & Pembalakan	23.04	Perikanan	19.49
Terengganu	Kuala Terengganu	100.43	Perikanan	48.03	Ternakan	16.55	Buah-Buahan	10.58
Terengganu	Marang	122.95	Kelapa Sawit	52.37	Ternakan	25.18	Perikanan	16.01
Terengganu	Setiu	270.54	Kelapa Sawit	161.85	Akuakultur	30.95	Ternakan	14.90


PAPARAN 1: PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, TERENGGANU, 2023




PAPARAN 2: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEKTOR PERTANIAN, TERENGGANU, 2023



**PAPARAN 3: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEKTOR PERTANIAN,
TERENGGANU MENGIKUT DAERAH, 2023**



**PAPARAN 4: GUNA TENAGA DAN PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN
TERENGGANU MENGIKUT DAERAH, 2023**





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: NEGERI TERENGGANU

**Agriculture Sector Income in Terengganu Recorded RM5.98 billion
in 2023, Dominated by the Crop and Fisheries Subsectors**

KUALA TERENGGANU, 16TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Terengganu, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest parameters on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July to 31 October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state, and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI). Government-linked companies (GLCs) in Terengganu also play a significant role in the implementation of the census, including Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Terengganu Development and Management Berhad (TDM), Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC), Ladang Rakyat Terengganu and Terengganu Incorporated (Terengganu Inc).

Terengganu recorded 73,089 agricultural holdings, of which 72,405 were individual holdings, representing 99.1 per cent of the total. Meanwhile, 684 agricultural holdings were managed by establishments. The updated profile also indicates 58,475 crop

subsector agricultural holdings of which 58,051 are individual. In addition, 11,816 individuals are involved in livestock subsector, 3,001 in captured fisheries subsector, 910 in aquaculture subsector, and 173 in forestry & logging subsector.

The reported total planted area in Terengganu is 227,904.3 hectares. The main crop is oil palm, covering 176,851.0 hectares, followed by rubber with 18,031.2 hectares, paddy with 16,615.8 hectares, fruits account for 8,600.7 hectares while other crops account for 4,511.8 hectares.

The Agriculture Census 2024 also recorded that the total sales value for the crop subsector for Terengganu amounted to RM4.00 billion, the captured fisheries subsector recorded at RM455.89 million, followed by livestock subsector recorded sales valued at RM404.02 million. While forestry & logging subsector recorded a sales value of RM265.87 million and aquaculture subsector generated RM252.41 million respectively.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Terengganu in 2023 amounted to RM5.98 billion, with the crop subsector emerged as the largest contributor at RM4.55 billion (76.0%) followed by the captured fisheries subsector with RM465.51 million (7.8%), livestock with RM422.51 million (7.1%), forestry and logging at RM295.45 million (4.9%) and aquaculture at RM254.59 million (4.2%). The three administrative districts recording the highest total income were Kemaman with RM1.92 billion, followed by Dungun (RM828.75 million) and Setiu (RM819.39 million).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM4.07 billion, equivalent to 68.0 per cent of Terengganu's total agriculture sector income, while agricultural individual holdings recorded RM1.92 billion (32.0%). Within the crop subsector, agricultural holdings operated by establishments generated RM3.39 billion (74.5%) as compared to RM1.16 billion (25.5%), contributed by individual holdings. For the livestock subsector, income was generated by individual holdings at RM224.65 million (53.2%), while establishment holdings contributed RM197.86 million (46.8%). The captured fisheries subsector income was dominated by individual holdings at RM399.08 million (85.7%) as compared to RM66.42 million (14.3%) contributed by establishment holdings. Conversely, income for the aquaculture subsector was mostly

generated by individual holdings contributed RM130.20 million (51.1%), while establishment agricultural holdings contributed RM124.38 million (48.9%). Income from the forestry & logging subsector was contributed by establishment holdings at RM293.52 million (99.3%), while individual holdings contributed only RM1.92 million (0.7%).

Three districts (3) with highest contributions to agricultural sector income were Kemaman (RM1.68 billion), Setiu (RM691.78 million) and Dungun (RM651.99 million). In the crop subsector, Kemaman, Setiu, and Dungun emerged as the top three contributors to income, recording RM1,675.21 million, RM691.78 million and RM651.99 million. For the livestock subsector, Kemaman recorded the highest income at RM145.83 million, followed by Dungun (RM67.76 million) and Besut (RM52.09 million). For captured fisheries subsector, Besut, Kuala Terengganu and Kemaman recorded RM115.50 million, RM103.79 million and RM84.48 million. Aquaculture subsector income was highest in Besut (RM95.17 million), Marang (RM61.73 million) followed by Setiu (RM57.68 million). For forestry & logging subsector, Hulu Terengganu recorded (RM144.10 million), Kuala Nerus (RM58.81 million) and Dungun (RM53.04 million).

Expenditure Incurred

The total expenditure of the agricultural sector for Terengganu in 2023 amounted to RM1.99 billion, with the crop subsector emerged as the largest contributor at RM1.39 billion (69.9%), followed by the captured fisheries subsector RM209.31 million (10.5%), livestock subsector RM201.90 million (10.1%), forestry & logging subsector RM132.28 million (6.6%), and aquaculture subsector RM56.75 million (2.9%). Three (3) administrative districts recorded highest total expenditure were Kemaman RM600.95 million (30.1%), Dungun RM281.61 million (14.1%) and Setiu RM270.54 million (13.6%).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM1.30 billion, equivalent to 65.2 per cent of Terengganu's total agriculture sector expenditure, while individual holdings recorded RM693.35 million (34.8%). Establishment holdings generated higher expenditure of RM981.51 million (70.4%) in crop subsector, RM116.87 million (57.9%) in livestock subsector, RM31.47 million (15.0%) in captured fisheries subsector, RM38.95 million (68.6%) in aquaculture subsector and RM132.16

million (99.9%) in forestry & logging subsector as compared to RM412.6 million (29.6%), RM85.03 million (42.1%), RM177.85 million (85.0%), RM 17.80 million (31.4%) and RM0.13 million (0.1%) from individual holdings. Conversely, expenditure in the captured fisheries subsector's individual holdings accounted for RM177.85 million (85.0%) while establishment holdings contributed RM31.47 million (15.0%).

Three districts (3) with highest contributions to agricultural sector expenditure were Kemaman RM600.95 million, Dungun RM281.61 million and Setiu RM270.54 million. In the crop subsector, Kemaman, Setiu and Dungun emerged as the top three contributors to income, recording RM497.23 million, RM210.44 million and RM199.66 million. For the livestock subsector, Kemaman recorded the highest expenditure at RM57.17 million, followed by Dungun (RM31.74 million) and Besut (RM29.96 million). For captured fisheries subsector, top three contributors were Besut, Kuala Terengganu and Kemaman with recorded expenditure RM51.79 million, RM48.03 million and RM37.87 million respectively. For aquaculture subsector, Setiu (RM30.95 million), Marang (RM6.87 million) and Kuala Terengganu (RM5.91 million) emerged as top three administrative districts while Hulu Terengganu, Dungun and Kuala Nerus contributed top three highest income at RM67.43 million, RM25.08 million and RM23.04 million forestry & logging subsector.

Employment and Wages & Salaries

Employment in the agriculture sector for Terengganu recorded 97,114 persons in 2023. The top three administrative districts contributing to employment were Kemaman (16,891 persons), Besut (13,966 persons), and Setiu (12,157 persons). A total of 67,903 working proprietor and active business partners were recorded in 2023, followed by 25,753 paid employees and 3,458 unpaid family workers.

The average annual wages and salaries for agriculture sector amounted to RM17,373.00 with establishments holdings recorded RM23,946.00 and individual holdings RM10,615.00. Several administrative districts recording levels above the state average, namely Kemaman (RM21,365.00), Dungun (RM18,511.00), Kuala Terengganu (RM18,225.00), Kuala Nerus (RM17,858.00) and Setiu (RM17,423.00).

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7 December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The agriculture sector remains one of the key drivers of national economic growth. Beyond ensuring adequate food supply, the sector contributes significantly to reducing the nation's dependence on imports, supporting processing industries, creating employment opportunities, and increasing household income, particularly among farmers. Through this census, agriculture statistics are available down to the smallest locality level, providing granular information that enables more targeted interventions and supports the continued development of the national agriculture sector.

As part of the national agenda to modernise the agriculture sector through a more data-driven approach, reliable and comprehensive data is essential to support effective policy planning and decision-making. The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector. The census also ensures that baseline data remains current and aligned with evolving sectoral needs. In addition, short-term agricultural surveys will be conducted periodically starting in 2026 to strengthen data availability and support the continuous monitoring of the agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Issued by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026**

**TABLE 1: INCOME OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT,
TERENGGANU STATE, 2023**

INCOME OF THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, TERENGGANU, 2023							
DISTRICT	TOTAL INCOME (RM Million)	MAIN ACTIVITY	INCOME OF MAIN ACTIVITIES (RM Million)	SECOND ACTIVITY	INCOME OF SECONDARY ACTIVITIES (RM Million)	THIRD ACTIVITY	INCOME OF THIRD ACTIVITY (RM Million)
Besut	715.40	Oil Palm	143.08	Fisheries	115.50	Paddy	108.50
Dungun	828.75	Oil Palm	562.57	Livestock	67.76	Fruits	53.22
Hulu Terengganu	749.93	Oil Palm	481.19	Forestry & Logging	144.10	Fruits	43.94
Kemaman	1,923.94	Oil Palm	1,441.35	Fruits	165.89	Livestock	145.83
Kuala Nerus	321.66	Oil Palm	103.86	Forestry & Logging	58.81	Fisheries	42.22
Kuala Terengganu	237.18	Fisheries	103.79	Oil Palm	31.28	Livestock	29.07
Marang	388.17	Oil Palm	180.87	Aquaculture	61.73	Livestock	43.28
Setiu	819.39	Oil Palm	569.29	Aquaculture	57.68	Vegetables	34.51

**TABLE 2: EXPENDITURE OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT,
TERENGGANU STATE, 2023**

EXPENDITURE OF THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, TERENGGANU, 2023							
DISTRICT	TOTAL EXPENDITURE (RM Million)	MAIN ACTIVITY	EXPENDITURE OF MAIN ACTIVITIES (RM Million)	SECOND ACTIVITY	EXPENDITURE OF SECONDARY ACTIVITIES (RM Million)	THIRD ACTIVITY	EXPENDITURE OF THIRD ACTIVITY (RM Million)
Besut	252.48	Fisheries	51.79	Paddy	51.25	Oil Palm	41.75
Dungun	281.61	Oil Palm	164.84	Livestock	31.74	Forestry & Logging	25.08
Hulu Terengganu	252.01	Oil Palm	136.93	Forestry & Logging	67.43	Fruits	17.08
Kemaman	600.95	Oil Palm	414.25	Fruits	59.58	Livestock	57.17
Kuala Nerus	113.35	Oil Palm	29.26	Forestry & Logging	23.04	Fisheries	19.49
Kuala Terengganu	100.43	Fisheries	48.03	Livestock	16.55	Fruits	10.58
Marang	122.95	Oil Palm	52.37	Livestock	25.18	Fisheries	16.01
Setiu	270.54	Oil Palm	161.85	Aquaculture	30.95	Livestock	14.90

EXHIBIT 1: KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, TERENGGANU, 2023




EXHIBIT 2: INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURAL SECTOR, TERENGGANU, 2023



EXHIBIT 3: INCOME AND EXPENDITURE OF THE AGRICULTURAL SECTOR IN TERENGGANU BY DISTRICT, 2023




EXHIBIT 4: EMPLOYMENT AND ANNUAL MEAN SALARIES & WAGES, TERENGGANU BY DISTRICT, 2023

